

## Maklumat Lanjut



Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi:

(a) Cawangan utama di Jerman

### Carl Duisberg Centren

Hansaring 49-51 • 50670 Cologne • Germany  
malaysia@cdc.de • www.studying-in-germany.net

(b) Wakil di Malaysia

Dr. Mohamed Rashid Bin Navi Bax  
rashidbax@gmail.com

(c) Rakan kongsi di Malaysia



First City University College  
www.firstcity.edu.my



Goethe Institut  
www.goethe.de/kualalumpur



German Alumni Association Malaysia  
(GAAM)  
www.gaam.my

## DAAD

German Academic Exchange Service  
(DAAD)  
www.ic.daad.de/kualalumpur

German Embassy Kuala Lumpur  
www.kuala-lumpur.diplo.de



## Lokasi Pusat Latihan Carl Duisberg



Turut menyediakan khidmat kepada anda di seluruh dunia!

- Kuala Lumpur (Malaysia)
- Jakarta (Indonesia)
- Beijing (China)
- Moscow (Russia)

Sila layari You Tube  
untuk menonton pusat  
latihan kami



### Carl Duisberg Centren

Hansaring 49-51 • 50670 Cologne  
Germany  
Tel. +49(0)221/16 26-284  
malaysia@cdc.de  
www.studying-in-germany.net



cdc.de

## Melanjutkan Pelajaran di Negara Jerman



## Ijazah Kejuruteraan di Negara Jerman bagi Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia

## 10 Sebab Anda Perlu Memilih Jerman



## Kursus Persediaan Pengajian Kejuruteraan



## Sistem Pendidikan Tinggi Negara Jerman



Apakah kelebihan melanjutkan pelajaran di negara Jerman? Mengapa negara Jerman antara destinasi pengajian yang terunggul di dunia? Berikut adalah beberapa sebab mengapa negara Jerman merupakan pilihan terbaik anda yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi di luar negara:

1. **Kualiti Hidup** – Nikmati kepelbagaian budaya yang menghidusi negara Jerman: yang juga mempunyai taraf keselamatan yang tinggi dan terjamin di Eropah.
2. **Kemajuan Ekonomi** – Jerman mempunyai ekonomi yang terbesar di Eropah dan merupakan antara negara pengekspor terbesar.
3. **Peneraju Kejuruteraan dan Inovasi** – Negara Jerman menerajui pelbagai bidang teknologi dan inovasi di peringkat global.
4. **Kepelbagaian Peluang Melanjutkan Pelajaran** – Terdapat lebih 400 universiti dan universiti sains gunaan di negara Jerman yang menawarkan kira-kira 16,000 kursus ijazah yang berbeza.
5. **Kualiti Pengajaran dan Penyelidikan yang tinggi** – Proses pembelajaran bukan sahaja berteraskan teori malah latihan amali juga diberi penekanan tinggi.
6. **Sistem Pendidikan Kelas Pertama** – Negara Jerman ialah negara keempat paling popular sebagai destinasi untuk melanjutkan pelajaran.
7. **Pengajian Ijazah yang Diiktiraf Dunia** – Ijazah universiti-universiti Jerman dipandang tinggi oleh syarikat-syarikat di Malaysia.
8. **Peluang Pekerjaan yang cerah** – Terdapat lebih 400 syarikat Jerman di Malaysia. Pengalaman menuntut ilmu di Jerman memberi jaminan cerah peluang pekerjaan.
9. **Budaya Terbuka dan Proaktif** – Negara Jerman antara tiga negara di seluruh dunia yang mempunyai pelajar antarabangsa yang teramai.
10. **Pendidikan Percuma** – Tiada yuran pengajian dikenakan ke atas pelajar warga Jerman mahupun antarabangsa.

Carl Duisberg Centren telah menganjurkan kursus persediaan pengajian bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk para lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dengan kerjasama KBU International College sejak tahun 2003 lagi.

Program pengajian ini dibahagikan kepada dua dan secara keseluruhan meliputi tempoh pengajian sepanjang 26 bulan.

**Di Malaysia (Bandar Utama) - bermula pada bulan Julai**

- **Modul I:** intensif bahasa Jerman dengan penutur asli selama 6 bulan.
- **Modul II:** Matrikulasi Australia Barat (AUSMAT) selama 12 bulan.
- Persediaan Antara Budaya.
- Tempat tinggal dan kelas dikendalikan di KBU International College, Bandar Utama.

**Di Negara Jerman (Cologne) - bermula pada bulan Januari**  
**Modul III termasuk:**

- Kursus intensif bahasa Jerman selama 4 minggu.
- Kursus persediaan bagi Ujian Kelayakan selama 5 bulan. (Kelayakan untuk memasuki universiti Jerman). Mata pelajaran: Bahasa Jerman, Fizik, Matematik, Kimia.
- Kaunseling pendidikan serta mentor peribadi.
- Ditempatkan di syarikat-syarikat Jerman sebagai pelatih (selama 8 minggu).
- Penempatan di universiti sains gunaan di seluruh negara Jerman.
- Tempat tinggal di negara Jerman.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai biasiswa sila hubungi:  
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kursus persediaan pengajian, sila hubungi: [malaysia@cdc.de](mailto:malaysia@cdc.de)

Kurikulum Jerman menekankan pengajian secara sendiri. Para pelajar dikehendaki melakukan penyelidikan sendiri, menyediakan laporan lisan atau kertas akhir penggal, menghadiri kuliah dan perbincangan dalam kumpulan kecil.

**Institusi pendidikan tinggi yang paling lazim yang terdapat di negara Jerman adalah seperti berikut:**

- Universiti dan universiti teknikal ("TU") memberi penekanan pada penyelidikan teori.
- Universiti sains gunaan ("FH") memberi penekanan pada pengetahuan amali dan mengekalkan hubungan yang rapat dengan industri.

**Kursus ijazah yang paling lazim**

- Ijazah Sarjana Muda biasanya mengambil masa kira-kira 6 atau 7 semester (3 hingga 3.5 tahun) untuk disempurnakan. Ijazah Sarjana Muda yang paling lazim di Jerman adalah B.A. (Sarjana Muda Sastera), B.Sc. (Sarjana Muda Sains) dan B.Eng. (Sarjana Muda Kejuruteraan).
- Ijazah Sarjana iaitu selepas ijazah Sarjana Muda boleh diperolehi dalam tempoh 2 hingga 4 semester (1 hingga 2 tahun). Ijazah Sarjana biasanya meliputi pengkhususan yang berhubung kait dengan pengajian sewaktu Ijazah Sarjana Muda. Program Ijazah Sarjana boleh diteruskan dengan serta merta selepas selesai melengkapkan kursus ijazah Sarjana Muda atau selepas mendapat beberapa tahun pengalaman kerja.

**Keperluan bahasa Jerman**

- "TestDaF" atau "TELC" (ujian bahasa Jerman sebagai bahasa asing).
- "DSH" (Deutsche Sprachprüfung für den Hochschulzugang ausländischer Studienbewerber).